

Bursa Malaysia Berpotensi Meningkatkan Semula Tahun Depan
Bernama
30 Disember, 2011
Oleh Christine Lim

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Bursa Malaysia berpotensi untuk meningkat semula pada tahun depan berikutan jangkaan tinjauan ekonomi yang lebih baik, kata para penganalisis syarikat pelaburan dan broker saham.

Mereka berkata sidang kemuncak Kesatuan Eropah (EU) pada 30 Jan, 2012 bagi membincangkan pertumbuhan ekonomi dijangka mempengaruhi pasaran dan prospek ekonomi global pada tahun depan.

Bursa Malaysia menutup tirai 2011 dengan mencatatkan peningkatan apabila FBM KLCI melonjak 24.04 mata kepada 1,530.73 berikutan aktiviti hiasan luar saat terakhir saham berwajaran tinggi.

Ketua Penyelidikan Runcit Affin Investment Bank Dr Nazri Khan berkata FBM KLCI dijangka mencecah 1,600 menjelang akhir 2012 dengan faktor luaran dijangka terus mempengaruhi hala tuju pasaran.

"Sambil pasaran dijangka turun naik pada separuh pertama tahun depan berikutan ketidakpastian di dalam ekonomi global, khususnya krisis hutang zon euro, pasaran menempatkan dirinya bagi menghadapi senario ekonomi global yang lebih baik pada separuh kedua," katanya kepada Bernama.

Katanya tawaran awam permulaan mega Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd, penggabungan dan pengambilalihan di kalangan bank dan syarikat hartanah dan pilihan raya umum akan menjadi tema utama bagi bursa tempatan pada tahun depan.

"Para pelabur akan menjauhi saham hartanah dan pembinaan disebabkan risiko politik dan ketidakpastian sebelum pilihan raya," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif HwangDBS Investment Management Bhd Teng Chee Wai berkata keterujaan dijangka dirasai sebelum pilihan raya umum dan sebarang momentum berterusan akan bergantung kepada keputusan pilihan raya itu.

Teng, yang turut menyasarkan FBM KLCI pada paras 1,600 mata pada tahun depan, berkata pasaran akan terus mencabar dan dijangka turun naik mengikut berita dan tajuk berita berbanding fundamental.

"Ini adalah berikutan kerana tidak jelas mengenai krisis hutang zon euro," katanya, sambil menyatakan pelaburan secara bertahan akan terus berlaku.

Sementara itu, Pengarah/Ketua Pasaran Modal Ekuiti OSK Investment Bank Gan Kim Khoo mengunjurkan pasaran yang menurun dengan sasaran FBM KLCI pada paras 1,466 mata.

Gan berkata keadaan turun naik pasaran masa ini akan berterusan dengan krisis hutang zon euro akan bertanggung jawab kepada masalah itu.

Bagi 2011, bursa tempatan turun naik mendadak dengan FBM KLCI melonjak ke paras tertinggi 1,594.74 mata pada 8 Julai, yang dipacu oleh rali di pasaran global.

Bagaimanapun, pasaran menjunam pada 26 Sept, dengan FBM KLCI mencatatkan paras paling rendah untuk tempoh setahun kepada 1,331.8 mata apabila krisis hutang zon Eropah dan kemelesetan ekonomi AS menghantui bursa global.

Pada 28 Dis, saham di Bursa Malaysia ditutup tinggi walau pun berlaku kemerosotan di dalam pasaran Asia.

FBM KLCI ditutup pada paras 1,504.11 mata selepas dipacu oleh aktiviti pembelian dana yang lewat.

Sentimen pelabur di pasaran Asia kekal berliku-liku di tengah-tengah kebimbangan mengenai krisis hutang zon Eropah.

Bagaimanapun, Nazri berkata Bursa Malaysia kekal bertahan dengan turun naik yang rendah.

Ini adalah berikutan pegangan saham asing yang rendah sehingga 22 peratus di dalam bursa tempatan.

"Penilaian Bursa Malaysia masih lagi mahal berbanding dengan bursa di negara anggota Asean yang lain seperti di Jakarta, Singapura dan Thailand," kata Nazri.

Gan berkata pegangan saham asing di dalam bursa tempatan tidak pernah meningkat semula ke paras sebelum paras 2008 (atau prakrisis kewangan global).

Jadi jualan berterusan oleh dana asing, jika ada, secara relatifnya adalah kecil.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637343>